

## **KECERDASAN MUZIK**

**Khair hidayati binti mohd khair, fadilah binti abdul majid, khairunnisak bt yahya & munirah bt senik**

Muzik adalah gabungan atau kombinasi bunyi yang boleh menenangkan fikiran dan mengurangkan stress. Menurut Kamus Dewan Edisi ketiga, muzik adalah gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan atau bunyi-bunyian. Kecerdasan dalam bidang muzik melibatkan kepakaran dalam prestasi, komposisi, dan apresiasi terhadap pola-pola muzik. Ini termasuk keupayaan untuk mengenali dan menyusun pola muzik, nada, dan irama. Menurut Howard Gardner, kecerdasan muzikal berjalan di struktur yang hampir sejajar dengan kecerdasan linguistik. Individu yang mempunyai kecerdasan ini mampu mendengar bunyi yang dihasilkan dan membezakan setiap note muzik yang didengari.

Kecerdasan ini boleh dirangsang terutamanya dalam kalangan kanak-kanak iaitu dengan memperdengarkan muzik, bermain alat muzik, bernyanyi dan sebagainya manakala bayi dalam kandungan juga dapat dirangsang dengan memperdengarkan muzik. Seseorang individu yang mempunyai kecerdasan dalam bidang muzik sering berjaya menjadi selebriti yang terkenal sebagai penyanyi, penggubah lagu, komposer, penulis lirik dan pengarah teater yang cemerlang. Terdapat juga koreografer dan penari yang memiliki kecerdasan dalam bidang muzik.